

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin bahan itu semula.

Pesta Buku PPD Jempol dan Jelevu Insan Berilmu Unggul di Mercur

Pesta Buku PPD Jempol dan Jelevu kini kembali. Kepada anda yang menyintai ilmu, datanglah beramai-ramai dan rebutlah peluang keemasan untuk memiliki koleksi buku pilihan anda dengan diskaun yang cukup hebat!

Tarikh: 27 – 30 Disember 2025

Masa: 9:00 pagi – 10:30 malam

Tempat: Dewan Komplek Rakan Muda

(a) _____

(b) _____

[2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Kejadian litar pintas yang berlaku di kawasan perumahan itu dapat dielakkan jika tip keselamatan penduduk patuhi.

(b) Ibu bapa sepatutnya menggalakkan anak-anak menyertai kegiatan kemasyarakatan daripada membiarkan mereka membuang masa di pusat membeli-belah.

[2 markah]